

20/04/1999

Kembalikan semula kegemilangan atlit negara

Islah Tajdid

DEWASA ini ramai yang memperkatakan mengenai kemerosotan prestasi yang dipersembahkan oleh atlit Malaysia di beberapa kejohanan antarabangsa. Prestasi yang ketara kelihatan ialah sukan bola sepak yang mana tahapnya amat rendah dan jauh ketinggalan jika dibandingkan negara Asia lain.

Ketika surat ini ditulis, Malaysia menduduki tangga ke 113 di dunia dalam sukan bola sepak. Harus diingat bahawa bukan sukan bola sepak saja mengalami keadaan sedemikian malah ada sukan lain yang senasib dengannya. Ini mungkin disebabkan oleh beberapa kelemahan dan kekurangan yang tidak dapat diatasi oleh atlit dalam sukan berkenaan.

Terdapat juga kajian yang menunjukkan antara faktor kelemahan adalah disebabkan oleh atlit sendiri yang dianggap langsung tidak munasabah. Tujuan tulisan ini ialah untuk mencari titik persamaan dan penyelesaian terhadap masalah yang kita hadapi ini. Adalah diharapkan dengan kajian ini dapat memotivasikan dan menanam sifat kesungguhan di hati atlit di Malaysia secara khususnya dan persatuan sukan secara amnya.

Setiap atlit bertanggungjawab terhadap prestasi dan persembahan mereka dalam setiap kejohanan yang disertai sama ada di dalam ataupun di luar Malaysia. Profesionalisme adalah aspek terpenting dan ia bukan saja dalam bentuk permainan ataupun mempamerkan persembahan terbaik malah meliputi segala aspek dalam kehidupan seharian.

Dalam kata lain, profesionalisme dalam kehidupan kita seharian dapat memupuk sifat bersungguh-sungguh dalam apa jua bidang yang kita ceburi.

Kegagalan atlit kita dalam dua sukan utama iaitu badminton dan bola sepak amat merisaukan.

Suatu waktu dahulu, Malaysia amat dikenali sebagai satu pasukan yang terbaik dan mampu memberikan tentangan hebat dalam kedua-dua sukan ini.

Tetapi ketika sukan ini berkembang dengan majunya dan negara lain sedang menuai hasilnya, Malaysia masih mengimbuai kejayaan silam dan kurang berusaha untuk kemajuan masa hadapan.

Bak kata Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, dari segi kekuatan dan kepantasan mungkin kita agak ketinggalan tetapi kita boleh mencapai kejayaan dari segi penggunaan kemahiran.

Pada dasarnya kita memahami tujuan utama bersukan ialah untuk mencapai kejayaan dan memupuk persahabatan. Dalam mengatasi kelemahan dan kekurangan, kita tidak dapat lari dari faktor yang menghalang dan memperlambatkan kita dari mencapai tujuan itu.

Kebanyakan masalah adalah pada atlit itu sendiri dan tidak dapat dinafikan ada juga faktor lain yang menyumbang ke arah kegagalan mereka dalam mencapai kejayaan.

Walaupun ianya nampak remeh dan tidak menyeluruh, moga-moga ianya menjadi pemangkin terhadap perbincangan secara meluas dalam isu kegagalan atlit kita pada kejohanan di peringkat antarabangsa.

Adalah penting agar ianya disedari dengan segera dan diberi perhatian secara serius kerana pencapaian yang semakin lama semakin membimbangkan.

Segala kekurangan penulis amatlah dikesali dan cadangan yang membina terhadap permasalahan isu ini amatlah diharap dan dialu-alukan dengan hati yang terbuka.